

# Dasar Sosial Negara perlu keazaman politik

BH-14/10/2006

**M**ASALAH sosial terkini seperti mat rempit, hubungan seks sebelum nikah, penagihan dadah, arak, keruntuhan budaya sopan santun menimbulkan persoalan apakah gejala sosial terutama di kalangan remaja dan belia kini semakin parah?

Kadang-kadang kita menganggap masalah sosial itu lebih menjurus kepada perlakuan jenayah yang mudah diselesaikan pihak polis. Apakah kelakuan mat rempit yang berkonvoi dan membuat bising dengan motosikal suatu kesalahan jenayah? Siapakah patut membanteras sikap dan sifat mat rempit ini?

Memang ada pihak badan bukan kerajaan (NGO) cuba berbaik-baik dengan mat rempit tetapi adilkah kita membiarkan NGO itu saja berusaha payah membentuk nilai hidup dan sikap mat rempit, sedangkan sebahagian besar masyarakat hanya melihat, malah mengkritik pula usaha murni itu?

Dalam hal ini ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memastikan anak remaja mereka tidak terbabit dalam perlumbaan haram. Jangan belikan motosikal kepada anak jika tujuannya untuk berlumba.

Tetapi apabila sikap mat rempit itu membabitkan kemalangan dan melakukan jenayah ragut, memukul dan mencederakan orang lain, maka perkara itu sepatutnya disabitkan kesalahan jenayah.

Dasar Sosial Negara (DSN) menjamin bahawa setiap individu, keluarga dan masyarakat tanpa mengira kumpulan etnik, agama, budaya, gender dan fahaman politik serta wilayah dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada arus pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

DSN selaku payung kepada pembangunan sosial negara perlu diperkasa lagi agar ia dapat menjadi rujukan dan penyatuan tindakan dan penyelesaian kepada masalah antara puluhan agensi terbabit dengan sosial.

Jawatankuasa Pembangunan Sosial Negara kini dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai 17 kementerian, Ketua Polis Negara, Biro Tatanegara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasio-

nal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Majlis Sosial Negara pula dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai menteri kabinet, menteri besar dan ketua menteri serta ketua setiausaha kementerian. Seluruh anggota yang menduduki jawatankuasa berkenaan perlu ada keazaman politik menjayakan DSN.

Jika ia tidak diterjemahkan pada peringkat nasional dan negeri, maka DSN hanya tinggal sebagai dasar semata-mata dan tidak mempunyai impak seperti diharapkan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang menjadi urusetia DSN perlu merangka pelan tindakan khusus pada peringkat nasional mengenai kaedah penilaian impak sosial serta usaha bersepadu pelbagai peringkat untuk diselaraskan di bawah jentera utama kerajaan seperti Majlis Tindakan Negara, Majlis Tindakan Negeri dan Majlis Tindakan Daerah.

Dengan penyelarasan ini diharapkan isu pembangunan sosial dan petunjuk sosial menjadi tetap dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dalam apa juga aspek membabitkan masalah sosial negara.

DSN perlu diperkasa segera dan diberikan publisiti meluas agar masyarakat berasa bertanggungjawab menangani masalah sosial ini secara bersama. Jika segala yang dirangka itu berjalan lancar, saya percaya DSN menjadi suatu dasar negara yang mencapai matlamat penubuhannya.

KPWKM perlu berfungsi dengan aktif sebagai urusetia DSN kerana tanpa berat sebelah peranan kementerian berkenaan, nescaya masyarakat akan menghargai peranan kementerian itu lebih daripada gambaran sekarang ini yang lebih ke arah wanita dan orang kurang upaya (OKU).

Kita perlu tukar mentaliti kita sendiri iaitu apabila wujud masalah sosial, pihak polis yang pertama bermain pada fikiran kita. Selepas ini kita tukar, iaitu apabila berbicara mengenai masalah sosial, DSN terbayang pada fikiran kita.

**SHAIFUL BAHRI SAIDIN,**  
*Taman Harmoni, Sekinchan.*